Low De Chie

青苗

# Skor A+ dalam
## UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
# UASA



## 特优A+系列

# 国文
## Bahasa Melayu
(011)




Muhammad Hafizul Ibrahim
Fazrin Nazieha Hasbullah
Fara Ummaina Salikin
Norelyssa Ramli

Tahun 6 年级

- 100% mematuhi format UASA (UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK) terkini
- 5 Set Kertas Model UASA
- Boleh dipisah daripada buku
- Jawapan lengkap disediakan

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

SET 5

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
# Tahun 6

## Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

| | |
|---|---|
| **Nama** | |
| **Kelas** | |

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1-10** | 10 | |
| **B** | **1** | 5 | |
| | **2** | 5 | |
| **C** | **1** | 10 | |
| **D** | **1** | 20 | |
| **Jumlah** | | **50** | |



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Bahagian A

[10 *markah*]

**Soalan 1 dan 2**

*Pilih jawapan yang* paling sesuai.

1. Ukiran kayu yang dijual di pasar kraf tangan Kota Bahru sungguh ____________ buatannya.

   A jernih

   B kasar

   C segar

   D halus

2. Cik Yee Mei bertugas sebagai ____________ di Syarikat Penerbangan Malaysia.

   A pramusaji

   B pramugara

   C peragawati

   D pramugari

**Soalan 3**

3. *Pilih ayat yang* betul.

   A Puan Joyce memasang solar panel di rumahnya untuk mengurangkan bayaran bil elektrik.

   B Pondok Chicky menjual ayam goreng rangup mula mendapat perhatian pembeli apabila keenakan ayamnya menjadi tular di media sosial.

   C Kedai Kopi Antik dihiasi pelbagai barangan yang dianggap klasik dan antik oleh para pengunjung.

   D Pembeli perlu berhati-hati dengan lebah madu tiruan yang dijual di pasaran.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Soalan 4 hingga 6**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Dewasa ini, ramai orang menjadikan aktiviti berkebun sebagai hobi. Mereka berasa seronok dapat *menghias* halaman rumah masing-masing. Selain itu, ada yang berkebun dengan cara bercucuk tanam. Berkebun bukan sahaja dapat mencantikkan halaman rumah, malah dapat menyihatkan tubuh badan.

Aktiviti berkebun boleh dianggap sebagai senaman ringan. Aktiviti seperti mengangkat pasu, mencangkul, mencabut rumput, menyiram dan sebagainya boleh mengeluarkan peluh. Peluh yang dihasilkan mempunyai toksik yang tidak diperlukan dalam badan. Badan kita akan menjadi lebih sihat dan bertenaga. Secara tidak langsung, otak kita akan menjadi cerdas.

4. Maksud *menghias* ialah
   - A mengubah suai.
   - B menggubah.
   - C memindahkan.
   - D menjadikan sesuatu lebih cantik.

5. Antara berikut, yang manakah **bukan** aktiviti berkebun?
   - A Mengangkat pasu
   - B Mencabut rumput
   - C Menyiram
   - D Menyulam

6. Penyataan berikut adalah **tidak benar** tentang petikan, *kecuali*
   - A mereka berasa tidak seronok apabila berkebun.
   - B berkebun dapat menyihatkan tubuh.
   - C peluh akan memerangkap toksik.
   - D otak menjadi cergas apabila berkebun.



© *Tunas Pelangi Sdn. Bh.*

LIVEWORKSHEETS

CamScanner

## Soalan 7 hingga 10

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

### BAHAN 1

Encik Robert akan bercuti ke luar negara. Namun, dia bimbang akan keadaan rumahnya nanti. Akhir-akhir ini banyak kejadian pecah rumah berlaku di kawasan tempat tinggalnya. Hal ini sangat membimbangkannya.

Encik Robert perlu mengambil beberapa langkah keselamatan bagi memastikan rumahnya selamat. Pertama sekali, dia akan memasang kamera litar tertutup di rumahnya supaya dia boleh memantau keadaan rumahnya semasa dia tiada nanti. Seterusnya, dia akan memasang penggera keselamatan. Sekiranya terjadi perkara-perkara yang tidak diingini, penggera tersebut akan berbunyi dan seterusnya memberi isyarat kepada pihak polis.

Di samping itu, Encik Robert tidak akan meninggalkan barang-barang berharga seperti wang tunai dan barang kemas di rumah. Dia akan menyimpan barang-barang tersebut di tempat yang lebih selamat. Akhir sekali, sebelum meninggalkan rumah, dia akan meminta bantuan daripada jiran untuk memantau rumahnya dan segera menghubunginya atau pihak polis jika terdapat apa-apa yang mendatangkan kemusykilan.

### BAHAN 2

| Langkah-langkah Keselamatan semasa Tiada di Rumah | |
|---|---|
| Memasang kamera litar tertutup | Memasang alat penggera keselamatan |
| Menyimpan barang-barang berharga di tempat yang selamat | Meminta bantuan daripada jiran |



CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

7. Encik Robert bimbang kerana

A ingin pergi bercuti.

B belum mendapatkan bantuan.

C banyak kejadian pecah rumah berlaku di kawasan tempat tinggalnya.

D perlu memasang kamera litar tertutup dan alat penggera keselamatan.

8. Siapakah yang perlu kita dapatkan bantuan jika ingin meninggalkan rumah?

A Jiran

B Polis

C Kamera litar tertutup

D Alat penggera keselamatan

9. Pernyataan berikut merupakan langkah-langkah keselamatan semasa tiada di rumah, *kecuali*

A memasang radio.

B memasang kamera litar tertutup.

C menyimpan barang-barang berharga di tempat yang selamat.

D meminta bantuan daripada jiran.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

A Polis boleh mengawal rumah Encik Robert.

B Barang-barang berharga perlu diletakkan di rumah.

C Kamera litar tertutup digunakan untuk memantau keadaan jiran.

D Penggera keselamatan akan berbunyi dan seterusnya memberi isyarat kepada pihak polis jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.



© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

CamScanner

LIVEWORKSHEETS

## Bahagian B

[10 *markah*]

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Puan Mei Shing dibantu oleh anaknya, Mei Ling untuk menyiapkan misoa. Puan Mei Shing memasak misoa sempena hari kelahiran anaknya, Mei Hua.

Misoa ialah hidangan tradisi dalam kalangan masyarakat Cina. Misoa ialah mi yang diperbuat daripada tepung gandum. Misoa biasanya dihidangkan bersama cendawan hitam, daging ayam, telur dan daun bawang.

"Ibu, mengapakah kita perlu menyediakan misoa setiap kali hari kelahiran ahli keluarga?" tanya Mei Ling kepada ibunya.

"Mei Ling, misoa ialah hidangan tradisi masyarakat Cina yang melambangkan kehidupan yang panjang," jawab Puan Mei Shing.

Selepas menyediakan sup dan misoa, mereka pun menghidangkan makanan itu kepada ahli keluarga. Keluarga Puan Mei Shing gembira menikmati hidangan misoa itu.

1. (a) Misoa diperbuat daripada ______________________________

______________________________________________.

[1 *markah*]

(b) Hidangan misoa biasanya dihidangkan bersama apa?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*



LIVEWORKSHEETS

(c) *Bulatkan* **satu kata kerja** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

| |
|---|
| Puan Mei Shing memasak misoa sempena hari kelahiran anaknya, Mei Hua. |

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tuliskan* **(BETUL)** *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Puan Mei Shing dibantu oleh anaknya, Mei Ling untuk menyiapkan misoa.

| | |
|---|---|
| Mei Ling membantu ibunya, Puan Mei Shing untuk menyiapkan misoa. | |
| Misoa membantu ibunya, Puan Mei Shing untuk menyiapkan Mei Ling. | |

[1 *markah*]

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**ɔalan 2**

*ɔca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi ɾsebut.*

*ɔnjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

> Atirah kawan baik kamu. Dia sangat gemar (suka) makan capati. Dia berminat untuk belajar cara membuat capati. Kamu pula tahu cara memasak makanan tersebut.

:. Sebagai rakan yang baik, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[5 *markah*]



LIVEWORKSHEETS

## Bahagian C

[ 10 *markah* ]

*Grafik di bawah menunjukkan tentang perbankan Internet.*
*Tuliskan pendapat kamu tentang* **kebaikan perbankan Internet.**
*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan.**
*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**




[10 mark

© Tunas Pelangi Sdn



LIVEWORKSHEETS
CamScanner

## Bahagian D

[20 *markah*]

*eliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan erformat atau tidak berfomat.** *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 0 patah perkataan.**

**SUASANA DI TAMAN REKREASI**



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan sebuah teks syarahan berdasarkan gambar di atas.



CamScanner
LIVEWORKSHEETS